

# DR M: SIDANG DI SUVA FORUM BERGUNA

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menandatangani Persidangan Serantau Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGRM) di Fiji minggu lalu, sebagai satu forum berguna bagi Malaysia untuk merapatkan hubungan dengan negara-negara kecil di Pasifik Selatan.

Perdana Menteri berkata, CHOGRM memberi peluang kepada negara-negara kecil Pasifik untuk mengemukakan masalah mereka secara terbuka.

Bellau menandatangani persidangan yang dihadiri oleh 14 daripada 17 ketua kerajaan peringkat serantau itu sebagai satu persidangan kemuncak.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam satu sidang akhbar di sini. Beliau pulang dari menghadiri persidangan tersebut dan lawatan rasmi ke Papua New Guinea, lewat malam tadi.

Perdana Menteri berkata, masa rehat di antara persidangan itu memberikan beliau peluang untuk berbincang dan bertukar pendapat dengan beberapa pemimpin termasuk Perdana Menteri Singapura, Eneik Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Bangladesh, Kiribati dan Vanuatu.

Mengenal delegasi perdagangan yang mengikut beliau ke Fiji, beliau berkata, mereka mendapat peluang-peluang yang boleh disertai.

"Bagaimanapun, apa yang perlu ialah mengadakan saluran perhubungan yang lebih kekal," ujarnya.

## Oleh AHMAD PUAD ONAH

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, delegasi perdagangan itu mungkin membuka sebuah pejabat di Fiji sebagai pusat menentukan projek-projek dan cara kerjasama yang dapat dijalankan dengan negara itu.

### Sokongan

Beliau memberi jaminan, Kerajaan akan memberi sokongan diplomatik dan meninjau keperluan-keperluan mereka.

Perdana Menteri juga menggariskan, di antara persetujuan yang dicapai oleh CHOGRM seperti terkandung dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan di akhir persidangan tersebut, termasuk:

● Politik — Di Timur Tengah dan Lebanon, Ketua-Ketua Kerajaan menyatakan perasaan curiga terhadap peralihan di Asia Barat yang mengancam kestabilan dan keamanan dunia.

Mereka menggesa hak orang-orang Palestin diakui sebagai hak mutlak mereka. Israel juga dikecam hebat kerana serangan dan pembunuhan beramal-ramai di Beirut.

Ketua-ketua Kerajaan juga sekali lagi menegaskan pentingnya dicapai penyelesaian politik di Afghanistan berasaskan pengunduran tentera asing dan penghormatan terhadap kemerdekaan dan kedaulatan negara itu.

Mengenal Kampuchea, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Ketua-Ketua Kerajaan mengukir, Vietnam

masih mempunyai angkatan tentera di negara itu. Mereka juga menyokong semua keputusan Bangsa-Bangsa Berzatu dan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea.

Mereka juga meragui kejujuran Vietnam apabila ia mengumumkan menarik balik tenteranya dari negara itu.

Mereka menyetujuinya hingga peringkat itu tetapi sama ada pengunduran itu akan dilakukan adalah perkara lain.

Ketua-Ketua Kerajaan berpendapat, apa yang penting ialah mengukir wujudnya sebuah Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Mengenal Zon Bebas, Aman dan Berkecuali (Zopfan), Ketua-Ketua Kerajaan menyatakan sokongan dan terima kasih kepada negara-negara yang memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian.

Mengenal Pasifik Selatan — Mereka menyokong hak penduduk-penduduk tempatan di New Caledonia untuk menentukan kemerdekaan mereka secara aman.

Ketua-Ketua Kerajaan juga menyokong negara-negara Pasifik Selatan dalam usaha mengharamkan ujian nuklear dan pembuangan sisa nuklear di Lautan Pasifik.

Mengenal Undang-Undang Laut — mereka dukacita dengan keputusan Amerika Syarikat tidak mahu menandatangani Persidangan Undang-Undang Laut.

● Ekonomi — Ketua-Ketua Kerajaan menyatakan curiga dengan dasar perlindungan dan anarki dalam sistem kewangan antarabangsa. Mereka juga menyatakan perlu diadakan kajian semula dan penyusunan semula perdagangan dunia